

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,

PARLIMEN KE-14 DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI [PUTATAN]

TARIKH : 25 NOV 2019 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI [PUTATAN] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan **apakah** Kementerian berhasrat untuk **meluaskan lagi skop skim pinjaman kepada pekebun-pekebun kecil kelapa sawit** di negeri **Sabah** yang pada ketika ini skim ini hanya dihadkan kepada Skim Tanam Semula dengan nilai peruntukan yang diberikan oleh Kementerian sebanyak RM500 juta dengan kadar 2%. Jika dahulu peruntukan ini juga diluaskan kepada dua bidang kelapa sawit iaitu Skim Tanaman Semula dan juga Skim Tanam Baru, saya membawa suara negeri Sabah agar skim pinjaman ini juga diberikan untuk tanaman baru khusus untuk negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian belum ada cadangan untuk meluaskan skop skim pembiayaan bagi tanaman semula kepada skim tanaman baru untuk para pekebun kecil kelapa sawit. Ini adalah kerana aktiviti perluasan penanaman sawit dilihat bukan lagi langkah utama yang efektif dalam meningkatkan pengeluaran hasil sawit negara. Langkah yang sedang diambil perhatian oleh Kementerian adalah meningkatkan produktiviti pengeluaran hasil sawit negara melalui penggunaan sumber sedia ada tanpa penambahan perluasan kawasan baru yang telah menimbulkan pelbagai polemik dan tuduhan tidak berasas dari negara-negara luar.

Untuk makluman, Kerajaan telah menetapkan had keluasan tanaman sawit adalah pada 6.5 juta hektar sahaja untuk memastikan industri sawit tidak lagi dikaitkan isu penyahhutan. Justeru, pada masa ini, pembukaan kawasan baru untuk tanaman sawit adalah bukan keutamaan bagi Kementerian.

Sekian, terima kasih.